



MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU

Lensa

Bandar Raya JB

EDISI KHAS 2022

LENSA MBBB BIL. 1/2022

JANUARI - MAC 2022



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi



[mbjbrasmi](https://instagram.com/mbjbrasmi)



PERASMIAN MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



HARI LANDSKAP
NEGARA 2022

BANTUAN BANJIR SOUTHERN
VOLUNTEERS KE SEGAMAT

MBJB SUMBANG DANA
BANTUAN BANJIR SHAH ALAM

QR CODE
(PENERBITAN RASMI MBBB)

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN JOHOR BAHRU KE ARAH BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA, BERBUDAYA DAN LESTARI

ISI KANDUNGAN

SIDANG PENGARANG 'LENSA BANDAR RAYA JB'

3	
4	
5	PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2022
	SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS DI MBJB
	MALAM PENGHAYATAN ISLAM
6	ZIKIR ASMAUL HUSNA
7	BANTUAN BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS KE SEGAMAT
	LAWATAN MBJB KE MBIP
8	INFO LAWATAN
9	LAWATAN MBJB KE DBKL
	LAWATAN DATUK BANDAR KE BAZAR JB & LAMAN KEBUDAYAAN
10	MBJB SUMBANG DANA BANTUAN BANJIR SHAH ALAM
11	LAWATAN MENTERI LUAR NEGERI
	PERASMIAN MENARA MBJB BUKIT SENYUM
	KILAS LENSA
12 & 13	SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2022
14	PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
15	OPS PENGUATKUASA MBJB
16 & 17	IHSAN BANDAR RAYA
18	
19	

PENAUNG
Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar

PENASIHAT 1
Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha

PENASIHAT 2
Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG
Encik Mohamad Khairulnauar bin Esa

SIDANG PENGARANG
Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Norasmah binti Mohd Adros

JURUFOTO
Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA
Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBJB

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMB. SETIAUSAHA	07-228 2510
JABATAN PENGURUSAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
TALIAN AM	07-219 8000
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042
BAHAGIAN INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8265
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PELESENAN (PENTADBIRAN)	07-219 8295
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT MESYUARAT	07-219 8022
JABATAN KEWANGAN	
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	
PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN	07-219 8225
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA	07-219 8219
UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA	07-219 8233
UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI	07-219 8233
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8233
BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN	07-219 8217
BAHAGIAN RANCANGAN PEMALILIAN & PENGANTARABANGSAAN	07-219 8245

JABATAN KAWALAN BANGUNAN	
BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN KERJA AWAM	
BAHAGIAN KERJA AWAM	07-219 8101
BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN JALAN	07-219 8135
JABATAN-JABATAN LAIN	
JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8000
JABATAN KESIHATAN	07-228 2564
JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041



“Untuk makluman semua, MBBJ sedang menerajui aspirasi ‘The Greater Johor Bahru’ yang telah diilhamkan oleh YAB Menteri Besar Johor. Aspirasi ‘The Greater Johor Bahru’ ini merupakan satu kerjasama strategik yang akan diwujudkan di antara 4 buah kawasan PBT iaitu Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pasir Gudang dan Kulai yang akan bergerak sehaluan dalam perancangan pembangunan serta tadbir urus yang berasaskan nilai muafakat yang kukuh dan konsisten”.

Petikan Amanat Datuk Bandar Johor Bahru dalam Perhimpunan Awal Tahun 2022

PERHIMPUNAN AWAL TAHUN MBJB 2022



Perhimpunan awal tahun baharu 2022 telah diadakan pada 12 Januari 2022 dan merupakan perhimpunan pertama YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-13 bertemu dengan anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru. Datuk Bandar telah menyampaikan amanat beliau kepada warga kerja MBBJ agar terus mengukuhkan semangat kerjasama berpasukan, berintegriti serta menanamkan niat dan azam untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga bandar raya Johor Bahru.

Slot perhimpunan turut diisi dengan sesi ‘Bicara Ilmu’ kepada warga kerja MBBJ yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Syafie bin Abdul Rahman, Timbalan Pengurus Waqaf An-Nur Corporation Behad dengan tajuk ‘Demi Masa’.



Sustainable Development Goals (SDGs) di MBBJ

Matlamat pembangunan mampan Majlis Bandaraya Johor Bahru terdiri daripada 17 matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 di New York, Amerika Syarikat untuk dicapai pada tahun 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi. Matlamat ini merupakan kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Milenium yang berakhir pada tahun 2015.

Tiada Kemiskinan

Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana.

Kelaparan Sifar

Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.

Pendidikan Berkualiti

Menjamin pendidikan menyeluruh dan equiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

Kesihatan Baik dan Kesejahteraan

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua lapisan umur.

Kesaksamaan Gender

Mencapai kesamarataan gender dan menguatkan semua wanita.

Air Bersih dan Sanitasi

Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.

Pekerjaan Yang Sesuai Dan Pembangunan Ekonomi

Mempromosikan perkembangan ekonomi mampan dan menyeluruh, pekerjaan peruh dan produktif, dan pekerjaan layak kepada semua.

Tenaga Berpatutan dan Bersih

Menjamin capaian kepada tenaga berpatutan, dipercayai, mampan dan moden kepada semua.

Industri, Inovasi dan Infrastruktur

Membina infrastruktur kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan dan merangsang inovasi.

Mengurangkan Ketidaksamaan

Mengurangkan ketidaksamaan pendapatan sesama negara.

Bandar dan Masyarakat Mampan

Menjadikan bandar dan penempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan.

Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan.

Tindakan Terhadap Iklim

Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

Kehidupan Dalam Air

Memulihara dan menggunakan laut dan sumber marin demi pembangunan mampan.

Kehidupan di Darat

Memelihara dan memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat, menguruskan hutan secara mampan, mengekang pembangunan hutan, menghentikan dan mengundurkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan kepelbagaian.

Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh

Mempromosikan masyarakat aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan, memberikan capaian keadilan kepada semua dan membina institusi yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh pada semua tahap.

Kerjasama Demi Matlamat

Menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa demi pembangunan mampan.

Malam Penghayatan Islam

Bersama-sama
TAHUN PERISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE-28

6 JANUARI 2022 BERSAMAAN 3 JAM (KHAMIS)
BERMULA JAM 6.00 PETANG
MASJID STULANG LAUT, TAMAN STULANG LAUT, JOHOR BAHRU.

Penceramah
AL-FADHIL USTAZ
PEGAWAI PENTAFSIR

MALAM PENGHAYATAN ISLAM SYUKURI NIKMAT TAHUN BAHARU

Program Malam Penghayatan Islam sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-28 bagi tahun 2022 telah selamat diadakan pada 6 Januari 2022 (Khamis) bermula jam 6.00 petang hingga 10.00 malam di Masjid Stulang Laut, Taman Stulang Laut, Johor Bahru.

Majlis dimulakan dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa kesyukuran bermula jam 6.20 petang sebelum diadakan solat Maghrib berjemaah dan ceramah perdana oleh penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Esby Islami bin Rifa'i, Pegawai Pentafsir Daerah Kota Tinggi.

Penganjuran program kerohanian ini diharapkan dapat memupuk rasa syukur atas segala kejayaan dan nikmat yang telah dianugerahkan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru agar terus cemerlang dan komited demi mewujudkan bandar raya yang sejahtera, aman dan makmur.



PROGRAM ZIKIR ASMAUL HUSNA WANITA MBBJ

Program Zikir Asmaul Husna Wanita MBBJ telah diadakan pada 6 Januari 2022 dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru. Program yang telah diadakan di Dewan Kenanga, Menara MBBJ Bukit Senyum itu merupakan usaha sama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) MBBJ dan Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBBJ) bersempena Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-28 tahun. Bacaan Asmaul Husna telah dibimbing oleh Ustazah Syarifah Roziah Syed Abdullah yang merupakan guru agama di Masjid Taman Kobena. Tujuan program ini dilaksanakan bagi memberi ruang kepada semua warga kerja wanita MBBJ turut serta dalam program berkenaan dan memohon keberkatan Ilahi sempena ulang tahun bandar raya serta berdoa agar dijauhkan daripada segala musibah terutama wabak COVID-19 yang melanda seluruh negara. Turut hadir semasa program berkenaan ialah YDH Datin Hj Azalila Mohd Aris, isteri kepada Datuk Bandar.





PELEPASAN KONVOI MISI BANTUAN BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS MBBJ & MBIP KE SEGAMAT

Pada 6 Januari 2022, seramai 105 orang sukarelawan Southern Volunteers Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Southern Volunteers Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah digerakkan bersama bantuan keperluan barangan, peralatan serta jentera untuk membantu mangsa banjir yang terjejas di Segamat. YB Dato' Haji Mohd Haffiz Bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, bersama-sama Tuan Haji On bin Jabbar@Ja'afar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan) berkesempatan untuk bersama para sukarelawan di Dataran Iskandar Puteri sebelum menyaksikan mereka bergerak ke lokasi terlibat. Seramai 50 orang Southern Volunteers Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama 15 buah jentera, dan 55 orang Southern Volunteers Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bersama 14 buah jentera telah terlibat dalam misi kali ini. Turut serta dalam konvoi ini termasuklah 'Team Triton Johor' dengan membawa sebanyak enam buah kenderaan jenis Pick Up 4x4.



SEKITAR... MISI BANTUAN BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS JOHOR BAHRU KE SEGAMAT

Anggota Southern Volunteers MBBJ komited untuk meneruskan kerja-kerja pembersihan sampah longgok di kawasan terjejas walaupun sehingga waktu malam bagi mengelakkan isu penyakit berjangkit bawaan air, penyakit berjangkit bawaan lalat, penyakit kencing tikus dan penyakit lain yang berbahaya.



7-9 Januari 2022 - Kampung Spangloi, Batu Anam, Segamat



11 Januari 2022 - Kampung Kuing Patah, Buloh Kasap, Segamat



Rabu, 12 Januari 2022 - Pekan Panchar, Pagoh



Ahad, 16 Januari 2022 - Kampung Liang Batu, Lempa, Muar



KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Pada 10 Januari 2022, pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, telah membuat kunjungan hormat kepada YB Dato' Haji Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di Bangunan MBIP, Medini. Lawatan kerja ini bertujuan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam aspek pengurusan fasiliti bangunan (FM), pelaksanaan konsep bangunan hijau (green building) di bangunan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan pengukuhan agenda 'The Greater Johor Bahru' antara MBBJ dan MBIP.



6

JANUARI
2022

Majlis Bandaraya Pasir Gudang



Perkongsian ilmu berkaitan pengurusan anjing liar di kawasan pentadbiran MBBJ.

27

JANUARI
2022

Majlis Perbandaran Kulai



Perkongsian ilmu berkaitan:
i. Pengurusan proses pindah milik.
ii. Pengurusan proses cukai harta.

30

JANUARI
2022

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Perkongsian ilmu berkaitan pengurusan gelandangan di sekitar bandar raya Johor Bahru.

Timbalan Ketua Perwakilan Michael Newbill, Kedutaan Amerika Syarikat

1
MAC
2022



Perbincangan tentang kerjasama masa depan yang berpotensi dalam bidang alam sekitar, pemerkasaan wanita juga belia dan kesenian.

Info Lawatan

2

MAC
2022

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Melihat konsep & mendengar taklimat mengenai Bilik Pusat Kawalan Trafik yang digunakan oleh MBBJ bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan MBBJ.

20

MAC
2022

Majlis Perbandaran Port Dickson



Kajian kes dalam penyediaan Petan Induk Landskap Port Dickson bagi mempelajari kejayaan program dan projek inisiatif hijau anjuran MBBJ dalam merealisasikan Port Dickson ke arah 'Bandar Rendah Karbon Menjelang 2030'.



KUNJUNGAN HORMAT

DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pada 16 Januari 2022, pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) diketuai oleh YB Dato' Haji Mohd Noorazam Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBJB berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur sempena lawatan kerja MBJB ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Menara DBKL. Lawatan penanda aras itu bertujuan melihat pelaksanaan program 'Local Agenda 21' (LA21) dan 'Smart City' di DBKL dan sebahagian daripada usaha untuk merangka semula perancangan program 'Local Agenda 21' dan 'Smart City' di MBJB ke arah memenuhi aspirasi 'Sustainable Development Goals' (SDGs) seperti yang dihasratkan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru termasuklah mendapatkan gambaran dan penjelasan amalan terbaik (best practice) untuk diaplikasi di MBJB bagi meningkatkan penggunaan pendigitalan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.



KUNJUNGAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

KE PUSAT PENGALAMAN PELANGGAN TM ONE KUALA LUMPUR

Pada 17 Januari 2022, Datuk Bandar Johor Bahru bersama barisan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke Pusat Pengalaman Pelanggan TM One Kuala Lumpur bagi tujuan perkongsian tentang kepentingan infrastruktur dan kesalinghubungan sesebuah ekosistem untuk menjadikan sesebuah bandar pintar lebih mampan dan berkesan.

Selain itu, MBJB juga turut diberi pendedahan berkenaan projek-projek rintis yang telah dilaksanakan pihak TM One di seluruh Malaysia merangkumi penyelesaian 'Smart Surveillance, Smart Streetlights, Smart Water Meter dan Smart Traffic Analytics & Recognition System'. Datuk Bandar Johor Bahru juga turut melawat Pusat Arahkan Integrasi (IOC) untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam persediaan MBJB membina pusat arahan integrasi sendiri pada masa hadapan.





LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE BAZAR JB

Pada 12 Februari 2022, Datuk Bandar Johor Bahru bersama-sama Ahli Majlis Zon Bandar serta pegawai-pegawai MBBJ berkesempatan mengadakan lawatan ke Bazar JB (Bazar Karat). Lawatan ini bertujuan melihat dengan lebih dekat potensi kawasan di sekitar Bazar JB untuk menambah daya tarikan sedia ada, selain memastikan keselamatan, keselesaan dan suasana mesra pelanggan di Bazar JB bagi mengekalkannya sebagai sebuah lokasi yang harus dilawati oleh pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Para peniaga juga diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan terus cekal menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang melanda negara. Semoga usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan akan menambah baik sektor ekonomi bandar raya ini dan seterusnya membantu para peniaga untuk bangkit semula mencari sumber pendapatan.



- ✓ Jumlah peniaga di Bazar JB - 269 orang peniaga
- ✓ Jenis-jenis perniagaan -
 - ~Pakaian / Pakaian Terpakai /
 - ~Kasut / Kasut Terpakai /
 - ~Aksesori /
 - ~Makanan Ringan/Keperluan Rumah/Permainan Kanak-Kanak dan lain-lain
- ✓ Waktu operasi Bazar JB - 7.00 malam sehingga 2.00 pagi (setiap malam kecuali malam Isnin)

LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE

JALAN TAN HIOK NEE

BAGI MENGHADIRI KEBUDAYAAN KALIGRAFI CINA

Pada 12 Februari 2022, YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru berpeluang turun padang ke Jalan Tan HioK Nee bagi menghadiri program kebudayaan Kaligrafi Cina.

Datuk Bandar Johor Bahru amat mengalu-alukan kepelbagaian pertunjukan kebudayaan yang ada di negeri Johor ini. Pertunjukan-pertunjukan ini dapat memberi peluang kepada warga bandar raya Johor Bahru sendiri merasai kepelbagaian budaya di bandar raya ini.

Beliau turut menasihatkan agar masyarakat sentiasa mematuhi SOP pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada persatuan Tionghua atas jemputan dan penganjuran program ini. Marilah kita bersama memelihara bandar raya Johor Bahru ini agar sentiasa ceria, bersih dan indah.

TRIVIA BAZAR JB





WARGA KERJA MBBJ SAMPAIKAN SUMBANGAN RM10,000 KEPADA MANGSA BANJIR SHAH ALAM

Warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ini telah menyalurkan sumbangan bernilai RM10,000 kepada mangsa-mangsa yang terkesan akibat bencana banjir yang berlaku di Shah Alam pada penghujung tahun 2021. 'Mock cheque' sumbangan oleh warga kerja MBBJ ini telah disampaikan oleh Puan Ir. Hajah Nazatul Shima Mohammad, Timbalan Setiausaha MBBJ, kepada YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA Kali Pertama Tahun 2022 yang diadakan di Auditorium MBSA pada 9 Februari 2022. Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan bantuan yang disalurkan oleh warga kerja MBBJ kepada warga Shah Alam, termasuk bantuan tenaga anggota bagi kerja-kerja pembersihan awam yang telah dilaksanakan oleh pihak Southern Volunteers MBBJ pada Disember tahun lalu. Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha MBBJ turut mengadakan sesi kunjungan hormat kepada Datuk Bandar MBSA serta lawatan ke 'Command Centre' Integrasi Sistem Pemantauan Pintar Shah Alam (IRIS) di Wisma MBSA bagi tujuan penandaarasan.



MBJB TERIMA KUNJUNGAN MENTERI LUAR NEGERI

YB Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah, Menteri Luar Negeri, telah mengadakan lawatan ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 3 Mac 2022. Kehadiran beliau telah disambut oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama pengurusan MBBJ.

Perbincangan antara pihak Kementerian Luar Negeri dan MBBJ telah menyentuh pelbagai aspek hal ehwal antarabangsa dan jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak khususnya dalam Matlamat Pembangunan Mampan (Social Development Goals) dan kesinambungan dengan dasar domestik sedia ada, Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon selain peranan yang dimainkan oleh Wisma Putra dalam menguar-uarkan pelaksanaan pembangunan mampan Johor Bahru di persada antarabangsa.

YB Menteri Luar Negeri turut diberikan penerangan secara dasar berkaitan aspirasi 'The Greater Johor Bahru' oleh Datuk Bandar Johor Bahru yang akan menjadi tonggak kepada pembangunan ekonomi negeri Johor. Sesi perbincangan ini selari dengan pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government) dan masyarakat (Whole-of-Society) yang sentiasa diberikan penekanan oleh kerajaan.

Turut hadir dalam sesi perbincangan tersebut ialah YBrs. Ambassador Shahril Effendi Abd Ghani, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Dasar dan Penyelarasan (JPDP) Kementerian Luar Negeri, Encik Nazarudin Ja'afar, Timbalan Ketua Pengarah JPDP serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri.





SULTAN IBRAHIM MERASMIKAN MENARA MBBJB

MERCU TANDA BAHARU PINTU MASUK SELATAN TANAH AIR

DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat merasmikan Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 24 Mac 2022, sempena Hari Keputeraan Baginda.

Berangkat sama ialah DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor.

Bangunan 15 tingkat pejabat baharu MBJB yang mula dibina pada 2017 sebelum siap pada November 2019, menjadi mercu tanda baharu Bandar Raya Johor Bahru selaku pintu masuk selatan tanah air.


Menara MBJB telah diperakukan sebagai 'Bangunan Hijau' oleh 'Green Building Index' (GBI) yang menepati enam kriteria iaitu kecekapan tenaga, persekitaran dalaman, perancangan dan pengurusan tapak lestari, bahan dan sumber, kecekapan air serta inovasi.



TRIVIA

MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PTD NO	: PTD 233331
KELUASAN	: 1.37ac
MUKIM	: Plentong
DAERAH	: Johor Bahru
KETINGGIAN	: 15 tingkat + 7 tingkat bawah tanah
PLOT RATIO	: 1 : 6.08
GFA	: 41,138.42 sqm
NFA	: 35,452.65 sqm
TEMPAT LETAK KERETA	: 583



Pemandangan hiasan dalaman bangunan Menara MBBJ

CIRI ISTIMEWA MENARA MBBJ

- ✓ Direka bentuk oleh firma arkitek antara yang terpengaruh dan terkenal di dunia, Skidmore, Owings & Merrill
- ✓ Antara ruang bawah tanah (Basement) yang terdalam di Johor
- ✓ Menara pejabat bergred A
- ✓ Diperakui sebagai 'Bangunan Hijau' oleh Green Building Index Certifies (GBI)



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SEBAGAI 'BANGUNAN HIJAU'

Menara MBBJ telah diperakui sebagai 'Bangunan Hijau' oleh GBI (Green Building Index) pada 27 November 2021 melalui enam (6) kriteria berikut:

- Energy Efficiency (Kecekapan Tenaga)
- Indoor Environment (Persekitaran Dalaman)
- Sustainable Site Planning & Management (Perancangan & Pengurusan Tapak Lestari)
- Material & Resources (Bahan dan Sumber)
- Water Efficiency (Kecekapan Air)
- Innovation (Inovasi)



PENGIKTIRAFAN MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

'Best New Green Institutional Building' Winner

01

'Best Green Research JB Low Carbon Society Action Plan 2025' Honourable Mention

02

'Special Award on Sustainable Development Goals MBBJ' Honourable Mention

03



LAWATAN KE PUSARA AN-NUR, MASJID SULTAN ISKANDAR DAN TEBING DI BANDAR DATO' ONN BERSAMA PIHAK WAQAF AN-NUR DAN JLAND

5 Januari 2022 – YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru berkesempatan mengadakan lawatan ke Pusara An-Nur, Masjid Sultan Iskandar dan Tebing di Bandar Dato' Onn bersama pihak Waqaf An-Nur dan JLand. MBBJ mengalu-alukan sebarang pembangunan yang berteraskan 'smart city' dan lestari, seperti mana yang telah dilaksanakan oleh pihak Waqaf An-Nur dan JLand ini. Hal ini menepati keperluan semasa dan selari dengan aspirasi MBBJ untuk menerapkan agenda pembangunan yang memenuhi keperluan 'Sustainable Development Goals' (SDGs), yang bertujuan mewujudkan masa hadapan yang lebih baik dan mampan untuk seluruh warga bandar raya Johor Bahru.



MESYUARAT EKSEKUTIF PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) BIL. 1/2022

14 Januari 2022 - Mesyuarat Eksekutif Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) Bil. 1/2022 telah diadakan di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Kehadiran Presiden MALA, YBhg. Dato' Ar. Yew Tun Seang, Datuk Bandar Pulau Pinang, telah disambut oleh YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru serta ahli mesyuarat. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, serta YBhg. Datuk Noorliza Awang Alip, Datuk Bandar Kota Kinabalu.



KILAS LENSA



KERJA - KERJA SEMBURAN KABUS ULV BAGI MENCEGAH DENGGI

28 Januari 2022 - Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melaksanakan kerja-kerja penyemburan kabus *Ultra Low Volume (ULV)* bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes yang membawa virus denggi di sekitar kawasan perumahan di Taman Daya, Johor Bahru. Warga bandar raya turut dinasihatkan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melaksanakan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes terutamanya di kediaman masing-masing. Cegah aedes, cegah denggi.



MAJLIS PERASMIAN DAN SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN KHAS BANDAR PINTAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU 2030

15 Februari 2022 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sedang dalam proses penyediaan Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar MBBJ 2030. Penyediaan pelan ini selaras dengan Pelan Strategik MBBJ 2021–2025, bagi memacu bandar raya Johor Bahru ke arah bandar pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2025. Selain itu, penyediaan pelan ini juga menyahut hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat sebagaimana Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030. Antara slot yang terkandung dalam program ini termasuklah penyampaian taklimat oleh pihak PLANMalaysia KPKT, taklimat oleh perunding kajian, perbincangan kumpulan serta penemuan dan rumusan kumpulan.



YAB PERDANA MENTERI MERASMIKAN HARI LANDSKAP NEGARA 2022

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, telah merasmikan Hari Landskap Negara 2022 di Taman Eko Flora, Johor Bahru yang telah diadakan pada 5 Mac 2022. Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara bertemakan '25 Tahun Negara Taman Terindah' sempena 25 tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru 2022-2032 yang merupakan dokumen rujukan dalam membentuk imej landskap bandar raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari. YAB Perdana Menteri serta dif-dif kenamaan turut berkesempatan untuk melawat pameran landskap yang disediakan oleh PBT serta mendengar penerangan yang disampaikan.

Turut sama hadir menyempurnakan majlis ialah YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan, YAB Dato' Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, Timbalan-Timbalan Menteri, Ketua-Ketua Setiausaha, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Bandar Johor Bahru, serta pegawai-pegawai kanan negeri dan persekutuan.

TRIVIA PEMENANG

Kategori pemenang adalah seperti berikut:

- A JUARA KESELURUHAN**
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- B 'BOOTH' PALING KREATIF**
 1. Majlis Bandaraya Pasir Gudang
 2. Majlis Bandaraya Johor Bahru
 3. Majlis Perbandaran Batu Pahat
- C 'BOOTH' PALING BERINFORMASI**
Majlis Perbandaran Muar
- D 'BOOTH' PENCAHAYAAN TERBAIK**
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- E KATEGORI DAERAH**
 1. Majlis Daerah Simpang Renggam
 2. Majlis Daerah Yong Peng
 3. Majlis Daerah Labis

Sekitar...

AKTIVITI ANJURAN MBBB SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA 2022

Bersempena Hari Landskap Negara 2022, MBBB telah mengadakan pelbagai program sampingan untuk dimeriahkan bersama warga bandar raya antaranya program 'Car Free Day' pada 6 Mac 2022 bermula jam 7.00 pagi - 10.00 pagi. Pengunjung berpeluang menyertai acara larian santai, berbasikal, zumba, liga kampung (sukan rakyat), aktiviti di perpustakaan mini, cabutan bertuah dan pelbagai aktiviti menyeronokkan. Turut diadakan pertandingan dekorasi bunga dan gubahan buah-buahan yang dianjurkan oleh PUSPANITA MBBB. MBBB merupakan tuan rumah untuk Hari Landskap Negara 2022 ini yang bertempat di Taman Bandar Eko Flora, Johor Bahru.



"Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan semua peserta pameran Hari Landskap Negara 2022!"



PROGRAM BAKUL MAKMUR ZON KEMPAS DI
PPR KEMPAS PERMAI
1 JANUARI 2022



PENYAMPAIAN BAKUL MAKMUR TAHUN BAHARU
CINA ZON MOUNT AUSTIN DI KG. BARU PANDAN
15 JANUARI 2022



PROGRAM KAYUHAN ZON PERMAS JAYA
DI TAPAK PASAR TANI PERMAS JAYA
15 JANUARI 2022



SAMBUTAN THAIPUSAM ZON TAMAN ABAD DI KUIL
ARULMIGU THANDAYUTHAPANI JALAN KUIL,
WADI HANA
18 JANUARI 2022



MAJLIS SOLAT HAJAT ZON SETIA AUSTIN DI SURAU
AL-RAYYAN JP PERDANA
28 JANUARI 2022



KARNIVAL TAHUN BAHARU CINA ZON JOHOR JAYA
DI JALAN DEDAP 14, TAMAN JOHOR JAYA
22 JANUARI 2022



PROGRAM JOM KITAR SEMULA ZON DESA
CEMERLANG DI TAMAN EHSAN JAYA
28 JANUARI 2022

Program ZON AHLI



PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' (SND)
ZON BAKAR BATU DI PPR HAJAH HASNAH
29 JANUARI 2022



PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' (SND)
ZON BANDAR DI PANGSAPURI BUKIT SAUJANA
5 FEBRUARI 2022



PROGRAM PUSAT INTERVASI PEMULIHAN TERAPI
ZON DATO' ONN DI 'SEA ACADEMY'
12 FEBRUARI 2022



PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' (SND)
ZON BANDAR BARU UDA DI JALAN PADI MAHSURI
19 MAC 2022



PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' (SND)
ZON TELUK DANGA DI PANGSAPURI SERI DANGA
12 FEBRUARI 2022



GOTONG-ROYONG ZON STULANG DI PANTAI
STULANG LAUT
26 MAC 2022



SUKANEKA SEJIWA ZON BAKAR BATU
DI PADANG BOLA KG. BAKAR BATU
19 FEBRUARI 2022



OPERASI PEMATUHAN SOP (FASA PEMULIHAN NEGARA PPN) SEKITAR ZON KEMPAS & TAMPOI



OPERASI PENURUNAN IKLAN HARAM-SEKITAR TAMAN MOUNT AUSTIN



PEMINDAHAN KENDERAAN TUNDA SEKITAR PUSAT BANDAR JOHOR BAHRU



OPS PENGUATKUASA

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
(JANUARI - MAC 2022)



PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERAT PERDAGANGAN DI ZON MOUNT AUSTIN



PROTOKOL PEMASANGAN BENDERA DI SEKITAR ZON MOUNT AUSTIN



IHSAN BANDAR RAYA

Sumbangan Bakul Makanan Ringankan Beban

Bermula Januari sehingga Mac 2022, agihan bantuan bakul makanan oleh Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBJB) telah disampaikan kepada kira-kira 548 warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang menjalani kuarantin kerana dijangkiti wabak COVID-19. Inisiatif pemberian bakul makanan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Bandar MBJB pada 24 Ogos 2021 di Menara MBJB, Bukit Senyum. Seramai lima orang ahli 'Team' Bakul Makanan PPBJB melaksanakan tugas berkenaan dan penghantaran dari rumah ke rumah diadakan pada hujung minggu. Inisiatif ini diberikan kepada warga kerja MBJB bagi membantu mereka yang sedang menjalani kuarantin sama ada di pusat kuarantin atau di kediaman masing-masing. Sepanjang penghantaran bakul makanan ini, 'team' bakul makanan amat menitikberatkan pematuhan SOP iaitu pemakaian pelitup muka, pembasmi kuman dan meletakkan bakul makanan hanya di hadapan kediaman mereka (tanpa berjumpa warga kerja mahupun ahli keluarga yang sedang menjalani kuarantin). Semoga pemberian ini dapat memberi manfaat kepada mereka sepanjang menjalani kuarantin.



BAKUL
MAKANAN

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberi Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

-  07 - 219 8000
-  07 - 223 0619
-  1-300-88-0146
-  019-778 8212
-  mbjb.spab.gov.my
-  info@mbjb.gov.my

